

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad (“Kami”)
Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum Anda memutuskan untuk menyertai <b>Takaful Buddy PA - Lifeline</b> . Sila pastikan Anda membaca terma-terma dan syarat-syarat.	<b>Takaful Buddy PA - Lifeline</b> Tarikh : 01/11/2020

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini ialah pelan kemalangan diri yang memberi perlindungan asas untuk kematian dan hilang upaya kekal akibat kemalangan.

**2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?**

**Wakalah**

Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi wakalah adalah seperti berikut:

Butir-butir	(% daripada sumbangan)
• Diskaun kepada peserta	25%
• Perbelanjaan Pengurusan	20%
Jumlah Fi Wakalah	45%

**Tabarru'**

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatan kuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada kami kerana mengendalikan dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak upah yang menentukan pengagihan perkhidmatan lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'Amal Jariah' bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatan kuasa Syariah kami untuk tujuan kebajikan.

**3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberi?**

Perlindungan / manfaat adalah seperti berikut:

Seksyen Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)			
	Pelan Asas	Pelan Baik	Pelan Lebih Baik	Pelan Terbaik
Seksyen 1 – Kematian				
a) Setiap dewasa	60,000	110,000	220,000	320,000
b) Setiap anak	11,000	21,000	22,000	27,000
Seksyen 2 – Hilang upaya kekal (sehingga)				
a) Setiap dewasa	60,000	120,000	220,000	320,000
b) Setiap anak	11,000	21,000	22,000	27,000
Seksyen 3 – Indemniti berganda jika kematian atau hilang upaya kekal di bawah Seksyen 1 dan Seksyen 2 masing-masing berlaku semasa menaiki pengangkutan awam, atau pengangkutan awam dirampas, atau menjadi mangsa pembunuhan atau keganasan (sehingga)	120,000	220,000	440,000	640,000
Seksyen 4 – Hilang upaya menyeluruh sementara (sehingga 24 minggu)	100 setiap minggu	200 setiap minggu	300 setiap minggu	400 setiap minggu
Seksyen 5 – Hilang upaya separa sementara (sehingga 24 minggu)	50 setiap minggu	100 setiap minggu	150 setiap minggu	200 setiap minggu

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful secara tahunan.

**Nota:** Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut mengenai manfaat-manfaat di atas.

**4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih, kumpulan umur dan bilangan orang yang diilindungi.

Orang yang Dilindungi	Sumbangan Tahunan (RM)			
	Pelan Asas	Pelan Baik	Pelan Lebih Baik	Pelan Terbaik
Setiap Dewasa	85.47	156.83	312.84	454.75
Setiap Anak	11.57	22.09	23.14	28.40

Kami akan memberikan diskaun seperti berikut:

Bilangan orang yang dilindungi dalam sijil takaful	Kadar Diskaun
2 hingga 3	5% daripada sumbangan
4 hingga 6	7.5% daripada sumbangan
Lebih daripada 7	10% daripada sumbangan

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

**5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

**6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?**

**Keputusan Pendedahan**

- Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, pemiagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam borang permohonan ini dengan lengkap.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam borang permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang permohonan tidak tepat atau telah berubah.

**Kelayakan** – Hanya warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, penduduk yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau pasangan dan anak-anak mereka yang tinggal secara sah di Malaysia, dengan umur minimum 45 hari hingga 65 tahun. Sijil takaful ini boleh diperbaharui secara tahunan atas pilihan kami sehingga umur 80 tahun. Sijil takaful ini akan tamat apabila anda mencapai umur 81 tahun.

**Tunai sebelum perlindungan** – Sumbangan perlu dibayar kepada kami atau ejen kami yang diiktiraf sebelum perlindungan berkuatkuasa.

**Tuntutan** – Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tiga puluh (30) hari selepas tarikh mana-mana kejadian yang membolehkan anda membuat tuntutan. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

**7. Apakah pengecualian-kecualian utama di bawah sijil takaful ini?**

- Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;
- Keracunan/intoksikasi dadah dan alkohol; atau
- Terlibat di dalam organisasi ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan kawal keselamatan.

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

**8. Bolehkah saya membatalkan sijil takaful saya?**

Anda boleh membatalkan sijil takaful dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan takaful kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau melayari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami melalui e-mel di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my), dengan menghubungi Etiqa Online 1300 13 8888 atau +603 2297 3888, melalui faksimile ke +603 2297 3800, atau secara pos ke Etiqa General Takaful Berhad (201701025031), (Dilisenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia), Aras 13, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur atau melayari laman utama kami di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)

Jika anda mempunyai aduan, pertikaian atau maklum balas berkaitan permohonan ini, sila hubungi unit aduan kami melalui e-mel di [complaint\\_cmu@etiqa.com.my](mailto:complaint_cmu@etiqa.com.my), dengan menghubungi 1300 13 8888 dari Malaysia atau +603 2780 4500 dari luar negara, melalui faksimile ke +603 2297 1919, atau secara pos ke Unit Pengurusan Aduan, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Jika anda tidak berpuas hati dengan cara pengendalian kami, anda boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia melalui e-mel di [bnmtelemailink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelemailink@bnm.gov.my), dengan menghubungi 1300 88 5465, melalui faksimile ke +603 2174 1515, atau secara pos kepada Pengarah, Jabatan LINK & Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Jika anda mempertikai keputusan yang telah dibuat oleh kami, anda boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Biro Pengantaraan Kewangan melalui e-mel di [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my), melalui faksimile ke +603 2272 1577 atau secara pos kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

**11. Lain-lain jenis perlindungan sama yang boleh didapati**

Sila rujuk kepada kami atau ejen kami untuk maklumat tentang perlindungan serupa yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA MESTI MEMBACA, MEMAHAMI DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/11/2020.